

Perjanjian tersebut pada pertamanya telah di tandatangani pada haribulan 6 Februari 1840. Ia telah di tulis dalam Bahasa Māori dan nama Māorinya ialah **Te Tiriti o Waitangi**. Ini adalah rumusan perjanjian tersebut, dalam terjemahan.

RUMUSAN PERJANJIAN TE TIRITI O WAITANGI

PENDAHULUAN

Ratu ingin orang Māori menyimpan tanah serta kemerdekaan mereka dan baginda ingin kesemua orang hidup aman damai di samping satu sama lain. Tujuan perjanjian ini ialah untuk membentuk sebuah kerajaan untuk warganegara baginda yang sedia menetap di New Zealand and juga yang akan datang pada masa depan.

PERTAMA

Orang Māori memberi hak kepada Ratu negara Inggeris untuk mempunyai seorang gabenor in New Zealand.

KEDUA

Ratu bersetuju bahawa orang Māori akan menyimpan kemerdekaan serta mempunyai kuasa ke atas tanah dan kesemua yang penting untuk mereka. Mereka memberi hak kepada Ratu untuk membeli tanah jika Māori ingin untuk menjualnya.

KETIGA

Baginda memberi orang Māori hak-hak yang sama dengan orang British.

KEEMPAT (PERJANJIAN LISAN)

Gabenor berjanji untuk melindungi adat kastam Māori serta pelbagai agama in New Zealand.

